

23 OCT 2002

Ling-Inggeris

KOMPONEN BN CINA DAPATKAN NASIHAT PROFESIONAL, KATA DR LING

PUTRAJAYA, 23 Okt (Bernama) -- Parti-parti komponen Cina dalam Barisan Nasional akan mendapatkan nasihat golongan profesional dalam merumuskan kaedah pelaksanaan pengajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris di semua sekolah rendah dan menengah mulai tahun depan.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata mereka akan berbincang dengan kumpulan profesional terbabit termasuk guru besar dan ahli akademik dalam tempoh seminggu ini.

"Kita akan bermesyuarat dan cuba menyelesaikan ini melalui idea yang dikemukakan, kita juga akan menemui dan berunding dengan golongan profesional mengenai idea itu," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini.

Dr Ling, yang juga Menteri Pengangkutan berkata demikian sebagai menjawab pertanyaan pemberita mengenai langkah yang akan diambil oleh parti komponen BN itu -- MCA, Gerakan, Parti Maju Sabah (SAPP) dan Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) -- dalam mencari kaedah untuk melaksanakan keputusan itu.

Parti Liberal Demokratik (LDP) tidak terlibat dalam perbincangan itu kerana ia sudah memutuskan untuk menyerahkan perkara itu kepada kebijaksanaan Kabinet persekutuan, menurut Presidennya Datuk Chong Kah Kiat di Kota Kinabalu hari ini.

Semalam, mesyuarat Dewan Tertinggi BN bersepakat untuk melaksanakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di semua sekolah rendah dan menengah mulai tahun depan, tetapi memberikan tempoh seminggu kepada empat parti Cina untuk merumuskan kaedah pelaksanaan tersendiri bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).

Mesyuarat itu yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri serta Pengerusi Barisan Nasional Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju parti yang mewakili kaum Cina berbincang sesama mereka bagi mendapatkan pendekatan terbaik melaksanakan cadangan itu di SJKC.

Ditanya sama ada beliau yakin bahawa keempat-empat parti Cina itu akan dapat mencari kaedah terbaik untuk melaksanakannya, Dr Ling berkata: "Sekarang kita tak nak runding ini di hadapan pihak media, kita hanya tumpu pada satu subjek dan butir-butirnya kita akan putuskan".

Dr Ling turut ditanya sama ada beliau akan mengadakan perbincangan dengan pertubuhan Cina termasuk pertubuhan pendidikan Cina.

"Ini adalah keputusan BN sebagai satu keluarga dan secara berkaitan. Kita mampu membuat keputusan secara berkesan," katanya.

Dr Ling juga menjelaskan bahawa tempoh seminggu yang diberikan oleh BN untuk parti komponen Cina itu bagi membolehkan mereka menghalusi kaedah pelaksanaan itu dan berharap semua pihak dapat melihatnya secara akademik tanpa mempolitikkan isu itu.

-- BERNAMA

AT AHH NMO